



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 APRIL 2024


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ORANG RAMAI DIINGATKAN TIDAK SIMPAN STOK BERAS DALAM KUANTITI BESAR, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LOKASI SAWAH DI MERLIMAU DIPILIH BAGI PROJEK RINTIS LADANG BENIH PADI SAH, LOKAL, HM -16	
3.	KPDN DAPATKAN MAKLUMAT PENUH KARTEL PADI, BERAS SEBELUM RANGKA SIASATAN -ARMIZAN, HM -ONLINE	
4.	KPDN KUMPUL BUKTI ISU KARTEL PADI, BERAS, NEGARA, KOSMO -6	
5.	SEDEKAH JIKA ADA LEBIHAN STOK BERAS -MOHAMAD SABU, NEGARA, KOSMO -6	
6.	KPDN DALAM PROSES KUMPUL MAKLUMAT KARTEL PADI, BERAS, NASIONAL, BH -15	
7.	SEDEKAHKAN JIKA ADA STOK MAKANAN LEBIH -MOHAMAD, DALAM NEGERI, UM -7	
8.	ADUAN KARTEL BERAS, KPDN KUMPUL MAKLUMAT -ARMIZAN, DALAM NEGERI, UM -7	
9.	RICE DISPOSED AT DUMPSITE RILES PADI FARMERS, NATIONAL, THE SUN -4	
10.	SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA 2024, NASIONAL, SH -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
11.	KEDAH PADI FARMERS 'CHANNEL' WAYS TO BATTLE HEATWAVE, NATION, THE STAR -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12.	PESAWAH 'SAKIT HATI' BERAS DIBUANG, DALAM NEGERI, UM -7	LAIN-LAIN
13.	MINISTER: RM100mil ALLOCATED FOR AGRO-FOOD COOPERATIVES, NATION, THE STAR -8	
14.	LADANG MANGGA HARUM MANIS HANGUS, NASIONAL, SH -13	
15.	15. NELAYAN RESAH MUARA SUNGAI MERCHANG CETEK, NEGARA, KOSMO -15	
16.	TANGKAP 10kg LAMPAM EKOR MERAH DALAM TEMPOH SEJAM, NEGARA, KOSMO -15	
17.	MELAKA TUAI BENIH PADI SAH JANUARI TAHUN DEPAN, NEGARA, KOSMO -16	
18.	'SIAPA RAJIN PASTI RAIH REZEKI', DALAM NEGERI, UM -35	
19.	100 NELAYAN TERJEJAS MUARA SUNGAI CETEK, DALAM NEGERI, UM -35	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	ASTRO ONLINE	ONLINE	

Orang ramai diingatkan tidak simpan stok beras dalam kuantiti besar



Mohamad berkata bagi stok yang disimpan bagi tujuan sumbangan dan sebagainya pula, ia perlu diagihkan segera. - Foto Sinar Harian

KUALA SELANGOR: Semua pihak termasuk orang awam diingatkan untuk tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti yang besar bagi mengelakkan berlakunya pembaziran bekalan makanan ruji itu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata bagi stok yang disimpan bagi tujuan sumbangan dan sebagainya pula, ia perlu diagihkan segera.

"Jika ada sedekahlah (stok beras) berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya ringkas kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di sini hari ini.

Sebelum ini, tular satu rakaman memaparkan puluhan kampak beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekatan laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Video itu menjadi perhatian apabila ia dimuat naik oleh beberapa pengguna media sosial di Facebook dan TikTok yang kebetulan menggunakan jalan berkenaan.

Mohamad menerusi hantaran di Facebook rasminya pada 19 April lepas berkata Kawalselia Padi dan Beras telah diarahkan untuk menyiasat kejadian itu.

Pada masa sama, Mohamad mengingatkan orang ramai supaya berpada-pada dan mengelakkan pembaziran makanan ketika musim perayaan Aidilfitri ini, susulan dapatan daripada konsesi pembersihan Alam Flora mendapati 40 peratus daripada sisa buangan adalah makanan.

"Sisa-sisa buangan makanan ketika bulan Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari, jadi elakkanlah pembaziran dan bekalan pun tak akan berkurangan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16

Lokasi sawah di Merlimau dipilih bagi projek rintis Ladang Benih Padi Sah

Jasin: Lokasi sawah Kampong Tengah Padang, Merlimau dipilih sebagai projek rintis Ladang Benih Padi Sah, yang dijangka mengeluarkan benih padi yang pertama Melaka, awal tahun depan.

Exco Kemajuan Desa Per-

tanian dan Keterjaminan Makanan negeri Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata sebelum ini, kajian telah dilakukan di Kampong Sempang namun kawasan tersebut didapati tidak sesuai, disebabkan beberapa faktor seperti masalah sa-

iran dan sumber air, bagi melaksanakan projek tersebut.

“Alhamdulillah kita kini dalam proses perataan tanah dan telah dapat kebenaran untuk memulakan projek tersebut dan hasil kajian Institut Penyelidi-

kan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), kawasan di situ telah dikenal pasti paling sesuai untuk tanaman benih padi menggunakan varieti MR297, selain mampu mengeluarkan hasil sehingga tiga kali ganda.

“Projek itu akan bermula pada musim tanaman padi baharu September depan, melibatkan kawasan sawah padi seluas 42 hektar,” katanya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (Dun) Merlimau, di Dataran

Orang Kampung di sini, lewat malam kelmarin.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Rustam dan Ketua Menteri Datuk Seri. Ab Rauf Yusoh serta kepimpinan negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

KPDN dapatkan maklumat penuh kartel padi, beras sebelum rangka siasatan - Armizan



Armizan Mohd Ali ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan ADUN Kawang di Dewan SMK Pangalat, di sini hari ini. FOTO MOHD ADAM ARININ

Papar: Kementerian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) masih dalam proses mendapatkan maklumat penuh secara terperinci berkenaan kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya sedang mendapatkan maklumat terbabit daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara sebelum merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan.

"Setakat ini, kita sedang mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini, walaupun ada sedikit kekeliruan, bila orang sebut padi dan beras, orang akan ingat KPDN. Seperti yang kita sedia maklum, Akta 522 (Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994) adalah di bawah bidang kuasa KPKM.

"Memang ada (diterima) aduan (berkaitan kartel padi dan beras). Maka Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah mengambil tindakan atas aduan terbabit dan kita sedang mendapatkan maklumat itu.

"Dengan adanya maklumat itu, kita akan merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawang 2024 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengalat di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau turut berkata, KPKM juga sudah memberikan komitmen sepenuhnya kepada pihaknya agar siasatan dapat dilaksanakan dengan telus.

Sebelum ini, media melaporkan KPKM menegaskan tidak akan melindungi jika ada mana-mana pihak yang didapati terbabit dengan aktiviti kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata pihaknya sentiasa bersedia menyalurkan sebarang maklumat kepada MyCC sekiranya benar wujud kartel padi serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	KOSMO	NEGARA	6



ARMIZAN (tengah) pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawang 2024 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengalat, Papar semalam.

Pihak terlibat bakal berhadapan tindakan tegas

KPDN kumpul bukti isu kartel padi, beras

PAPAR – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali menyatakan pihaknya sedang giat mengumpul maklumat terperinci berkaitan kartel padi serta beras di seluruh negara.

Armizan berkata, siasatan yang akan dirangka adalah selepas memperoleh data daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara.

"Memang ada (diterima) aduan (berkaitan kartel padi dan beras).

"Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga sudah mengambil tindakan atas aduan tersebut dan kita sedang mendapatkan maklumat itu.

"Oleh itu, kita sedang mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Dengan adanya maklumat berkenaan, kita akan merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan," katanya.

Armizan berkata demikian ketika ditemui media sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang 2024 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengalat semalam.

Terdahulu, KPKM menegaskan bakal mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti kartel padi dan beras di negara ini sehingga menyebabkan beras tempatan tiada di pasaran.

Sedekah jika ada lebih stok beras – Mohamad Sabu



MOHAMAD bergambar dengan orang ramai pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di Bandar Puncak Alam semalam.

KUALA SELANGOR – "Jika ada (lebih), lebih baik untuk kita segera bersedekah," kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau menasihatkan semua pihak termasuk orang awam tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti besar bagi mengelak pembaziran bekalan makanan asas itu.

Menurut Mohamad, stok yang disimpan bagi tujuan sumbangan atau perkara lain perlu segera diagihkan.

"Mana-mana perkara seumpama itu (menyimpan stok beras) sememangnya tidak boleh. Kalau tidak ada apa-apa, elok lah kita berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya ke-



KERATAN Kosmo! kelmarin.

tika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor di Bandar Puncak Alam di sini semalam.

Baru-baru ini, tular dalam laman media sosial gambar puluhan kampak beras, tin sardin dan tepung dibuang di kawasan pembuangan sampah berhampiran laluan pintasan Rumpun Makmur-Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Bekas Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Seri Dr. Ismail Mohamed Said memohon maaf berhubung isu itu dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya selain menyesali perkara yang berlaku.

Dalam perkara berasingan, Mohamad mengingatkan orang ramai supaya mengelak pembaziran makanan sepanjang musim lebaran ini.

"Ia susulan dapatan konsesi pembersihan Alam Flora menunjukkan bahawa 40 peratus daripada sisa buangan adalah makanan.

"Sisa-sisa buangan makanan ketika Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari. Jadi, kita kena elak pembaziran makanan," katanya.

KPDN dalam proses kumpul maklumat kartel padi, beras

KPKM berikan komitmen penuh pastikan siasatan dapat dilaksana dengan telus

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Papar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) masih dalam proses mendapatkan maklumat terperinci berkenaan kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata maklumat da-

ripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara diperlukan sebelum bentuk siasatan dapat dirangka.

"Sebagaimana saya maklumkan sebelum ini, ada sedikit kekeliruan bila orang sebut padi dan beras, maka orang akan ingat KPDN. Seperti yang kita sedia maklum, Akta 522 (Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994) adalah di bawah bidang kuasa KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan).

"Memang ada (diterima) aduan (berkaitan kartel padi dan beras). Maka Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengambil tindakan atas aduan tersebut dan kita sedang mendapatkan maklumat itu.

"Dengan adanya maklumat tersebut, kita akan merangka ben-



Armizan ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan ADUN Kawang di Dewan SMK Pangalat, semalam.

(Foto: Mohd Adam Arinin/BH)

ras di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya sentiasa bersedia menyalurkan sebarang maklumat kepada MyCC sekiranya benar wujud kartel padi serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

Jajanan simpan stok beras

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, KPKM juga sudah memberikan komitmen penuh kepada pihaknya agar siasatan dapat dilaksanakan dengan telus. Sementara itu, Mohamad ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kua-

la Selangor semalam mengingatkan semua pihak termasuk orang awam untuk tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti besar bagi mengelakkan berlaku pembaziran bekalan makanan ruijitu.

"Jika ada (simpan) sedekahlah (stok beras) berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Sebelum ini, tular satu rakaman memaparkan puluhan kamplit beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekatan laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

Pesawah 'sakit hati' beras dibuang

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamajlis.com.my

KANGAR: Penemuan longgokan beras, tepung dan beberapa makanan lain yang terbuang di Temerloh, Pahang baru-baru ini mengecewakan pesawah yang menyifatkan perbuatan tersebut tidak sepatutnya berlaku lebih-lebih lagi ketika bekalan beras susah diperolehi.

Bagi menghasilkan sekilogram beras, pesawah mendakwa mereka membanting tulang di sawah dan berdepan pelbagai risiko padi tidak menjadi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, beras diibarat 'permata' bagi pesawah yang menjadi sumber rezeki utama selain kepentingan untuk rakyat sebagai makanan ruji mereka.

Menurut beliau, beras itu tidak sepatutnya dibuang dan jika rosak sekali pun ia boleh digunakan sebagai makanan haiwan dan sebagainya.

Katanya, bayangkan bagaimana perasaan pesawah dan rakyat apabila melihat beras



PESAWAH kecewa dengan tindakan membuang beras dan beberapa makanan asas lain di satu lokasi di Temerloh yang tular di media sosial baru-baru ini.

dan makanan lain yang dibuang di saat ramai dalam kalangan mereka susah untuk membeli dan juga menamannya.

"Tindakan membuang beras

ini sebenarnya cukup sensitif dan menyakitkan hati. Sepatutnya bahan makanan seperti ini tidak perlu disimpan terlalu lama dan boleh diagihkan sece-

pat mungkin.

"Dalam keadaan sekarang di mana beras tempatan juga sangat sukar diperolehi, apabila melihat situasi ini tidak masuk

akal. Saya berharap situasi seperti ini tidak akan berulang," katanya.

Seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, pesawah bersusah payah bagi menghasilkan beras tetapi ada pula individu yang tergamak membuangnya di tepi jalan.

Menurutnya, tindakan mereka yang membuang beras dan makanan lain itu boleh diibarat sebagai penghinaan kepada makanan ruji itu.

"Orang tua-tua selalu berpesan jangan 'tahana' (menganiaya) terhadap makanan," katanya.

Oleh itu, kata Mohd. Nazri, perkara itu harus diasiat kenapa pembuangnya tergamak melakukan perbuatan yang membazirkan.

Sementara itu, Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pihak berkenaan perlu berhati-hati daripada melakukan tindakan sensitif seperti itu.

"Saya percaya dia (Ismail Mohamed) mungkin tidak perasaan namun disebabkan ia benda makanan ia sangat sensitif khususnya di saat rakyat sedang susah ketika ini," katanya.

Sedekahkan jika ada stok makanan lebih - Mohamad

KUALA SELANGOR: Semua pihak sama ada organisasi bukan kerajaan, pemimpin politik atau mana-mana individu digesa segera mengedar stok makanan yang disimpan seperti beras supaya tidak dibiarkan terlalu lama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, semua pihak termasuk orang awam tidak digalakkan menyimpan stok beras dalam kuantiti besar bagi mengelak pembaziran bekalan makanan asas itu.

"Jika ada (lebih), lebih baik untuk kita segera bersedekah. Mana-mana perkara seumpama itu (menyimpan stok beras) sememangnya tidak boleh.

"Kalau tidak ada apa-apa, elok lah kita berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor, semalam.

Mengulas isu pembuangan beras dan beberapa makanan lain yang ditemukan di kawasan pembuangan sampah berhampiran laluan pintasan Rumpun Makmur-Kampung Gunung Senyut dekat Temerloh seperti



Jika ada (lebih), lebih baik untuk kita segera bersedekah. Mana-mana perkara seumpama itu (menyimpan stok beras) sememangnya tidak boleh. Kalau tidak ada apa-apa, elok lah kita berikan kepada mereka yang memerlukan."

MOHAMAD SABU

tular di media sosial, Mohamad turut mengingatkan orang ramai supaya mengelak pembaziran makanan sepanjang musim lebaran ini.

"Ja susulan dapatan konsesi pembersihan Alam Flora menunjukkan bahawa 40 peratus

daripada sisa buangan adalah makanan.

"Sisa-sisa buangan makanan ketika Ramadan pula boleh mencapai sehingga 12,000 tan sehari. Jadi, kita kena elak pembaziran dan bekalan pun tak akan berkurangan," katanya.

Sementara itu, bekas Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Seri Dr. Ismail Mohamed Said yang mengaku bertanggungjawab terhadap stok beras dan makanan yang dibuang itu kerana rosak dan dicemari tikus enggan mengulas lanjut isu berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, katanya, beliau enggan mengulas lebih lanjut biarpun pelbagai kritikan dibuat terhadapnya.

"Sekarang dalam siasatan pihak berwajib. Saya tidak mahu mengganggu siasatan," katanya di sini semalam.

Ismail sebelum ini berkata, beras dan barangan dapur itu adalah stok simpanan yang disediakan bagi memenuhi permintaan orang ramai termasuk ketika beliau menjadi ahli Parlimen sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 2022.

Aduan kartel beras, KPND kumpul maklumat - Armizan

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPND) akan merangka tindakan bagi menyelesaikan isu kartel beras selepas semua maklumat diperolehi.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya sedang mendapatkan maklumat Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Beliau berkata, Akta 522 terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan bertindak atas aduan berkenaan.

"Pada masa ini, kita sedang mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras. Dengan adanya maklumat tersebut, kita akan merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan," katanya semasa mengulas tentang perkembangan isu kartel beras yang didakwa berlaku di pasaran.

Setakat ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu sudah memaklumkan pihaknya memberi komitmen agar siasatan dapat dilaksanakan dengan telus.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sedang melaksanakan kajian jurang perbezaan harga barang keperluan terpilih antara Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Semenanjung Malaysia.

Kedua-dua universiti itu mengemukakan kertas cadangan awal mengenai kajian penstabilan harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 19 April lalu.

"Kajian dijangka berlangsung enam bulan dan laporan insepri kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan pada Ogos depan," katanya.

Rice disposed at dumpsite riles padi farmers

➤ Former MP says move justified as items were from old stock that were contaminated by dead rats and weevils

■ BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The reported disposal of rice at a dumpsite in Temerloh, Pahang by former Kuala Krau MP Datuk Seri Ismail Mohamed Said has upset padi farmers.

Mohammad Harun Abdul Mannan, 54, from Ketebeh, Kelantan, said he struggles with lower rice yields due to changing weather patterns, environmental degradation and limited access to modern agricultural technologies and resources.

"We put all our efforts into tending our rice fields, hoping for a good harvest. But each year, our rice yields drop further and it is getting tough to keep farming.

"When I heard about rice being dumped, it just adds to the pain I feel. It is like the farmers' hard work does not account for anything and just goes unnoticed."

On Friday, Ismail said the food items, including rice, flour and cans of sardines, found at the dumpsite were part of his stock of daily necessities stored during his time as an MP from March 2004 to November 2022.

The former deputy home affairs minister also said the items were removed as they were not suitable for public distribution due to contamination by dead rats and rice weevils.

Ismail said he purchased the items using personal funds before the 15th general election in 2022 and that no government allocations of any kind were involved for the Covid-19 pandemic or flood preparations.

He also said some of the rice had



The bags of rice found strewn at the dumpsite in Temerloh, Pahang.

been given to nearby chicken and duck breeders.

Universiti Putra Malaysia Institute of Tropical Agriculture and Food Security consultant and fellow Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad said there could be more to the prolonged accumulation of stock.

While not pointing fingers at anyone, she said it is possible that market dynamics are being manipulated in the interest of certain people.

"This may involve hoarding, intentionally limiting supply to raise prices and taking advantage of price hikes by mixing different grades of rice," she said.

Fatimah added that such tactics challenge market fairness and consumer well-being.

"Hoarding can create artificial shortages and worsen price instability, while intentionally reducing supply can unfairly harm consumers and smaller businesses."

Fatimah said the ministry must

tackle these underlying motives and ensure transparency and accountability from Ismail.

"It is essential for policymakers and stakeholders to prioritise the effective distribution of food to prevent such occurrences."

Consumers Association of Penang senior education officer N. V. Subbarow said Ismail's reasons for dumping the items were "absurd".

"He shouldn't be making excuses like blaming rats and rice weevils, which indicates poor storage practices."

Subbarow said one must be blind or ignorant not to know how many packets of food items there are and noted that no one would throw away uncooked rice.

"Just because the food items were purchased with personal funds does not give one the freedom to do as one pleases, especially when an MP is meant to assist the people in his constituency."

In his statement, Ismail said he would take responsibility, expressed

regret over the incident and apologised for how the items were disposed.

Meanwhile, SWCorp Pahang director Sharudin Hamid said the 0.1ha dumpsite was provided by Felcra Bhd for the residents' use five to six years ago, but it was not licensed through SWCorp.

He added that those involved in dumping controlled solid waste in unpermitted areas can be charged under Section 71(1) of the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the *Kawalselia Padi dan Beras* branch in Temerloh found that the bags of rice and other food items were damaged and unsafe for consumption.

Nonetheless, he added that the matter is being probed under the Control of Padi and Rice Act 1994 (Act 522) since rice cannot be disposed without first referring to a monitoring body.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2024

DVS ajak orang ramai meriahkan MAEPS, disertai aktiviti menarik

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengajak orang ramai meriahkan sambutan Hari Veterinar Sedunia (HVS) 2024 yang akan berlangsung di Laman Ternakan (MAEPS), Serdang bermula 25 hingga 28 April ini.

Menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang pastinya mengujakan para pengunjung, sambutan HVS 2024 menurut Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid, adalah untuk menghargai sumbangan veterinarwan-veterinarwan dalam memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan terpelihara sekali gus memastikan kesejahteraan serta keharmonian di antara manusia dan haiwan dicapai.

Malah, sumbangan veterinarwan itu katanya, merangkumi usaha memastikan jaminan dan keselamatan makanan berasaskan ternakan mencukupi, mengawal penyakit berjangkit daripada haiwan (zoonotik) merentasi sempadan selain menyelamatkan haiwan.

Pada masa sama, HVS 2024 turut merangkumi usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab, ihsan serta rasa kasih sayang terhadap haiwan selain menambah baik perkhidmatan veterinar di bawah DVS.

"Justeru, adalah menjadi harapan supaya sambutan HVS 2024 ini mampu mendekatkan lagi hubungan DVS dengan masyarakat.

"Selain itu, sambutan ini sekali gus dapat mempromosi perkhidmatan, insentif yang ditawarkan oleh kerajaan dalam menggalakkan lagi perkembangan bidang penternakan sebagai salah satu sumber jaminan makanan negara," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



DR AKMA

Aktiviti menarik

Tambah Akma, antara aktiviti menarik yang disediakan DVS sempena program HVS 2024 ialah pameran dan pertandingan kucing, Meow Fiesta dan Kebuniti Ternakan yang melibatkan pameran unggas (ayam katik, serama, ayam kampung dan lain-lain).

Malah, pengunjung juga katanya boleh mengambil peluang membawa 'si bulus' kesayangan masing-masing untuk didandan, menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendaftarkan identifikasi haiwan peliharaan (pet passport).

Pada masa sama, pengunjung juga boleh mendapatkan khidmat prosedur pemandulan haiwan peliharaan mereka



Sumbangan veterinarwan merangkumi usaha mengawal penyakit berjangkit zoonotik merentasi sempadan.

yang dijalankan oleh pakar-pakar veterinar bertauliah.

"Kita juga adakan showcase perkhidmatan veterinar, teknologi penternakan serta pavilion antarabangsa yang menampilkan pelbagai produk berasaskan ternakan keluaran 20 usahawan dari Indonesia seperti susu, keju, mentega dan barangan kulit.

"Turut diadakan demonstrasi pembuatan mentega selain perkongsian bual bicara konstruktif bersama para usahawan menerusi Sesi Teh Tarik," jelasnya yang mana pengunjung juga berpeluang mendapatkan produk makanan,

peralatan serta ternakan pada harga menarik sempena HVS 2024.

Akma memberitahu, HVS 2024 yang bertemakan "Veterinarians Are Essential Health Workers" (Veterinarwan Adalah Pekerja Kesihatan Penting) itu turut mempamerkan pelbagai baka lembu bersaiz besar antaranya dari jenis Charolais, Belgian Blue, Limousine, Blonde dan Brahman selain pelbagai varieti kambing dari jenis Kalahari, Boer, Anglo Nubian dan Katjang.

"Menariknya, kita akan bawakan Sonchai, kerbau baka Murrah berwarna hitam yang jinak, pengunjung boleh merasa pengalaman membelai dan bergambar bersama Sonchai di MAEPS nanti," ujarnya.



Pendaftaran pet passport turut disediakan sempena HVS 2024 di MAEPS, Serdang.



Bidang veterinar menjadi elemen penting dalam memastikan jaminan makanan berasaskan ternakan selamat untuk keperluan masyarakat global.

Profesion veterinar

Dalam pada itu, Akma menyifatkan veterinarwan merupakan profesion penting yang mana haiwan juga memerlukan rawatan ketika sakit, sama seperti manusia.

"Veterinarwan bukan hanya merawat satu jenis spesies (haiwan) sahaja, tapi pelbagai spesies di darat, laut dan udara yang mempunyai anatomi dan fisiologi berbeza.

"Bahkan menjadi seorang veterinarwan sangat mencabar apabila merawat pesakit yang tidak boleh berkata-kata. Di sinilah mereka perlu menggunakan ketajaman mereka untuk membuat penilaian sebelum menentukan bentuk rawatan yang diberikan," katanya.

HARI VETERINAR SEDUNIA 2024
WORLD VETERINARY DAY
25 - 27 APRIL 2024
10.00 PAGI - 10.00 MALAM
28 APRIL 2024
10.00 PAGI - 10.00 MALAM
LAMAN TERNAKAN MAEPS, SERDANG

AKTIVITI MENARIK yang Sediakan

- Open House Terbilang Ternakan
- Meow Fiesta
- Meat On Wheel
- Open House Pameran Veterinar
- Partisipasi Pameran Kucing dan Haiwan Eksotik
- Veterinarian's Health Workers
- Pameran Baka-Baka Lembu dan Kambing
- Program Pemandulan Kucing
- Justeru prosedur (jajangan) pemandulan
- Pameran Baka-Baka Unggas
- Pet Passport
- Produk Makanan
- Produk Sediaan
- Pasar Sambilan

VETERINARIANS' HEALTH WORKERS

Kedah padi farmers 'channel' ways to battle heatwave

By IMRAN HILMY
 imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Padi farmers in Kedah are facing a double whammy – hot spell and lack of padi seeds – even as the new planting season is about to start soon.

Many have begun exploring various moves to mitigate the impact of the hot weather.

Abdul Kadir Ismail, 68, from Kuala Nerang, said they have been adopting water conservation techniques and implementing shade structures to protect their crops from excessive heat.

The Naka Farmers Association

(PPK) unit chief said some farmers forked out money to build irrigation system that channelled water from nearby hills.

"We can't just be waiting for rain. Digging our own channel is good enough to solve the problem for now," he said.

Abdul Kadir, who has been a padi farmer for more than 40 years, said prolonged exposure to the hot temperature could badly affect padi plants, including its growth and quality.

He said farmers, especially in Kuala Nerang, Padang Terap, Pendang and Baling, relied mainly on favourable weather condi-

tions for a successful planting season as the areas are not under the Muda Agriculture Development Authority (Mada).

"We have been facing the dry season for several months now, and if this continues, we could face trouble," he said.

This year, farmers under Mada have started the new five-season padi crops within a two-year programme, where the government has pledged to allocate RM3bil to upgrade infrastructure.

Despite efforts to adapt, Abdul Kadir said the delay in receiving padi seeds, affecting more than 20 farmers, posed a significant ahead

of the planting season.

Wan Maharuddin Sulaiman, 67, another padi farmer from Pokok Sena, said it was quite difficult to foresee how the new planting season would pan out with the erratic weather condition.

Wan Maharuddin said he hoped that the padi seeds would be sufficient when the new planting season begins.

"Although the padi seed prices have been adjusted to RM54 per 20kg packet, I hope there would be no manipulation by certain parties.

"It is still too early to evaluate how the new prices of padi seeds

could benefit us," he said.

During a Hari Raya open house on April 18, Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh announced that 1.5 million 20kg packets of certified padi seeds had been distributed to meet the demand of farmers.

He said the supply of such seeds would be made available through accredited retailers for the new planting season, adding that the padi seed prices had been adjusted to prevent supply disruptions.

There are slightly over 100,000ha of padi farming areas under Mada's supervision in Kedah and Perlis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	THE STAR	NATION	8

Minister: RM100mil allocated for agro-food cooperatives

PAPAR: A sum of RM100mil has been set aside to finance cooperatives involved in the agro-food sector, says Datuk Ewon Benedick.

The Entrepreneur Development and Cooperatives Minister said the financing, provided through the Revolving Capital Fund and managed by the Cooperative Commission of Malaysia (SKM), is an initiative by the government to help address the nation's food supply and security.

"I encourage the community to establish their local cooperatives to engage in activities such as farming, animal husbandry, plantations and other agro-food sector activities.

"Cooperatives involved in the agro-food sector can help support the country's food supply chain and food security," he said in a statement after visiting a chicken farming site, developed by Koperasi Kinabalu Lestari Berhad (Kokina) in Kinarut, near here, Bernama reported.

Ewon said the company has started constructing a broiler chicken barn at a cost of RM450,000, funded by its members' shares, and is expected to begin the first rearing cycle in July this year.

"That's why I would like to offer financing assistance of RM100,000 under the Start-up Financing Scheme to Kokina as a show of support for this cooperative enterprise," he said.

On a separate matter, Ewon said SKM registered 1,001 new cooperatives in 2023.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	13

Ladang mangga harum manis hangus

Pengusaha rugi lebih RM200,000 apabila pokok baru berbunga musnah terbakar

Oleh NORHASPIDA YATIM
SETIU

Seorang peniaga terpaksa menanggung kerugian lebih RM200,000 apabila 350 pokok mangga harum manis diusahakannya musnah sekelip mata dalam kebakaran.

Tengku Mohammad Kamal Hishamudin, 29, berkata, kebun seluas 4.5 hektar miliknya terbakar selepas dihubungi pekerja memaklumkan kejadian itu. Menurut Tengku Mohammad Kamal Hishamudin, 29, berkata, kebun seluas 4.5 hektar miliknya terbakar selepas dihubungi pekerja memaklumkan kejadian itu.

"Saya terkilan juga sebab

hasrat hendak lihat pokok ini berbuah tak kesampaian. Semua pokok ditanam habis musnah dan tak ada yang sempat diselamatkan.

"Kalau iktukan, hasil daripada pokok ini dijangka dapat dituai pada Mei tahun hadapan," katanya ketika ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Rhu Tapai di sini pada Sabtu.

Menurutnya, kali terakhir dia ke kebun pada hujung Ramadan lalu dan tidak menyangka ia pengalaman terakhir melihat pokok mangga miliknya membesar sebelum musnah dijilat api.

"Ketika kebakaran kebetulan saya berada di rumah di Kuala Terengganu," ujarnya.

Tengku Mohammad Kamal berkata, kebakaran turut memusnahkan sistem saliran paip tanaman dan mesin pam air di kebun berkenaan.

"Saya percaya kebakaran ini disebabkan cuaca panas dan kering sehingga api merebak dengan cepat.



Tengku Mohammad Kamal menunjukkan pokok mangga harum manis diusahakan musnah dalam kebakaran minggu lalu.

"Sebelum ini juga kebun saya pernah ditenggelami air dalam kejadian banjir," katanya.

Menurut Tengku Mohammad Kamal, meskipun masih terkejut dengan kejadian itu, namun ia tidak mematahkan semangatnya kembali bangkit bagi meneroka potensi dalam bidang pertanian.

"Meskipun dilihat sukar, namun bagi mewujudkan impian memiliki kebun mangga harum manis yang jarang diusahakan pekebun di negeri ini, saya perlu memulakan semula tanaman ini daripada bawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	KOSMO	NEGARA	15



SEBAHAGIAN nelayan terpaksa berpatah balik setelah bot mereka tersangkut pada beting pasir muara Sungai Merchang, Marang semalam.

Pendapatan terjejas ekoran tidak boleh ke laut Nelayan resah Muara Sungai Merchang cetek

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

MARANG - Kira-kira 100 nelayan berada dalam dilema ekoran masih tidak dapat turun ke laut walaupun Monsun Timur Laut sudah berakhir bulan lalu ekoran muara Sungai Merchang di sini semakin cetek.

Salah seorang nelayan, Mohd. Ariffin Jusoh, 56, mendakwa, beting-beting pasir yang banyak di muara sungai tersebut amat berbahaya buat bot-bot mereka.

"Bot kami tidak dapat keluar ke laut ekoran beting pasir itu dan jika ditolak secara manual, ia bukan sahaja boleh merosakkan bot, malah dikhuatiri mengancam nyawa.

"Sebenarnya projek mendalamkan muara Sungai Merchang telah diluluskan kerajaan dan sepatutnya siap Disember

tahun lalu, namun kontraktor dilantik gagal menyiapkannya mengikut jadual ditetapkan," dakwanya ketika ditemui di Merchang di sini semalam.

Mohd. Ariffin mendakwa nelayan-nelayan tempatan bercadang untuk membantu kontraktor terlibat untuk turut sama-sama membantu mengatasi masalah beting pasir berkenaan.

Dakwanya, niat mereka agar inisiatif tersebut dapat mempercepatkan lagi kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Merchang tersebut.

"Kami telah menghantar surat rasmi baru-baru ini dan sedang menunggu maklum balas pihak kontraktor berkenaan.

"Jeti nelayan Merchang ini sangat penting kerana bukan sahaja digunakan nelayan tem-

patan, malah beberapa perkampungan berhampiran seperti Kampung Tok Fakir dan Gong Balai," jelasnya.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ali Abu Bakar, 53, pula mendakwa, rata-rata nelayan Merchang sudah tidak tahan lagi ketiadaan pendapatan ekoran hampir enam bulan tidak turun ke laut sejak permulaan Monsun Timur Laut pada bulan Oktober lalu.

"Menangkap ikan satu-satu sumber pendapatan kami untuk menyara keluarga.

"Simpanan pun semakin berkurang menyebabkan kami terpaksa mengikat perut," katanya.

Mohd. Ali berkata, sambutan Hari Raya Aidilfitri mereka baru-baru ini pun sekadar ala kadar sahaja.



MOHAMAD ZULKIFLI menunjukkan antara ikan lampam ekor merah yang berjaya ditangkapnya di Sungai Ketil berhampiran Kampung Lubuk Pedati, semalam.

Tangkap 10 kg lampam ekor merah dalam tempoh sejam

BALING - Dua beradik tidak menyangka mereka dapat menaikkan lebih 10 kilogram (kg) ikan lampam ekor merah dalam tempoh kira-kira sejam ketika menjala ikan di Sungai Ketil, di sini semalam.

Mohamad Zulkifli Alias, 29, berkata, musim panas yang melanda turut membawa rezeki berganda buat mereka yang menjala dan menahan pukat dengan merais tangkapan lebih lumayan berbanding hari biasa.

"Faktor air sungai yang surut serta ditambah keadaan cuaca panas menyebabkan ikan lebih mudah ditangkap.

"Saya terkejut apabila dapat menangkap ikan lampam ekor merah ini dengan mudah apabila menjala dan menahan pukat dengan abang, Mohamad Firdaus, 31," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, sebelum ini mereka sering melakukan aktiviti yang sama, namun untuk mendapatkan sekilogram ikan pun sukar kerana air sungai agak dalam dan deras.

"Jika dapat ikan, hanya yang kecil-kecil sebesar dua jari sahaja tetapi bukan ikan lampam ekor merah, yang dapat hanya ikan peridung, ikan tilan, ikan sia, ikan baung, ikan keli, ikan haruan,

atau ikan tengalan.

"Tetapi kali ini, kami berjaya menangkap ikan lampam ekor merah dengan banyak dan saiznya juga besar, ada yang melebihi saiz tapak tangan orang dewasa, fenomena ini amat jarang berlaku," katanya.

Rosli Mat Desa, 62, pula berkata, sebelum bulan Ramadan lalu, dia sering melihat ikan-ikan lampam ekor merah ini bergerak secara berkumpulan dalam sungai yang cetek dan jernih.

"Mungkin ini waktunya ikan-ikan lampam ekor merah ini melepaskan teluranya apabila mudik ke hulu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2024	KOSMO	NEGARA	16

Projek rintis dilaksana di Kampung Tengah Padang, Merlimau

Melaka tuai benih padi sah Januari tahun depan

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

JASIN – Melaka akan menuai hasil pertama benih padi sah pada Januari tahun hadapan, sekali gus dijangka menyumbang peningkatan tahap sara diri (SSL) padi negeri kepada 15 peratus.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, projek rintis itu telah dilaksanakan di Kampung Tengah Padang, Merlimau, dekat sini.

Katanya, proses perataan tanah sedang dilakukan selepas lokasi itu dikenal pasti sesuai oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Kawasan di situ telah dikenal pasti paling sesuai untuk tanaman benih padi menggunakan varieti MR297 selain mampu mengeluarkan hasil sehingga tiga kali ganda.

“Kita positif ladang ini akan mengeluarkan hasil pada Januari tahun hadapan dan memberi peningkatan tahap sara diri (SSL) padi pada 2026 dari sembilan peratus kepada 15 peratus,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau di Dataran Orang Kampung di sini,



AKMAL ketika menyantuni orang ramal pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Merlimau di Dataran Orang Kampung, Melaka. – SYAFEEQ AHMAD

kelmarin.

Tambahnya, projek benih padi sah itu dijangka bermula pada musim tanaman padi baharu September depan melibatkan kawasan sawah padi seluas 42 hektar.

Mengulas lanjut Muhamad Akmal berkata, usaha itu juga

dilihat dapat menyelesaikan masalah pesawah di negeri ini yang berdepan kesukaran mendapatkan benih padi berkualiti.

“Ini juga dapat mengatasi isu pesawah yang tidak menerima benih padi berkualiti seperti sebelum ini dan kita guna benih padi MR297 selepas mengambil

beberapa faktor antaranya kadar penggunaan air yang rendah serta pengeluaran hasil tinggi,” ujarnya.

Terdahulu, seramai 37,000 pengunjung hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Merlimau itu yang bermula pada pukul 8 malam.

'Siapa rajin pasti raih rezeki'

Oleh HARIS
FADILAH AHMAD

utusannews@mediamula.com.my

LIPIS: "Sejak kecil, saya sudah berdepan kesukasan apabila perlu mencari rezeki dan semua kerja kami lakukan asalkan memperoleh wang demi memastikan keluarga makan."

Itu pengakuan wanita Orang Asli etnik Semai, Khasmimah, 39, dari Kampung Kuala Kenip, Pos Betau di sini, ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Khasmimah, sejak remaja dia sudah belajar berkari masuk ke pinggir atau dalam hutan mencari rezeki bagi memperoleh pendapatan membelanjakan makanan keluarga serta kegunaan peribadi seperti pakaian dan peralatan kebersihan diri.

"Semua kerja golongan lelaki lakukan saya juga boleh buat asalkan dapat wang. Siapa yang rajin, dapat meraih rezeki walaupun tidak seberapa berbanding mereka yang tinggal di bandar.

"Selain mencari tumbuhan herba dan berkebun di sekeliling rumah, saya menebang buluh sejak dua tahun lalu untuk dijual kepada pembeli dari luar," katanya di Pos Betau, di sini kelmarin.

Khasmimah berkata, selepas menguruskan makanan keluarga, dia dan rakannya ke hutan pada pukul 7 pagi untuk menebang buluh.



SEORANG wanita Orang Asli etnik Semai menebang buluh untuk dijual di Kampung Simoi Baru, Ulu Jelai di Lipis, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

"Agak sukar meredah hutan dan semak untuk menemukan pokok buluh selain yang terdapat tumbuh di tepi anak sungai berdekatan kampung ini sebelum batangnya ditebang.

"Kesukaran meredah hutan tebal dan kawasan semak serta tumbuhan berduwi tidak menje-

mukan saya kerana sudah dilatih oleh ibu bapa sejak kanak-kanak bagaimana hidup di perkampungan pedalaman dan hutan," katanya.

Dia berkata, kesukaran mendapatkan buluh menyebabkan hanya mampu menebang hampir 20 batang sehari dan

memperoleh pendapatan antara RM10 hingga RM12 hasil jualan tumbuhan berkenaan.

"Hal ini kerana saya terpaksa memikul hampir lebih enam kilometer untuk dibawa pulang ke rumah, sebelum diambil oleh pembeli dari bandar berdekatan," katanya.

100 nelayan terjejas muara sungai cetek

MARANG: Kira-kira 100 nelayan terjejas pendapatan kerana tidak dapat turun ke laut mencari rezeki berikutan muara Sungai Merchang, di sini yang semakin cetek.

Seorang nelayan, Mohd. Arifin Jusoh, 56, berkata, masalah itu semakin ketara sejak dua minggu lalu apabila mereka terpaksa menggunakan wang simpanan untuk meneruskan kehidupan.

Katanya, masalah muara cetek itu berlanjutan sejak berpuluh tahun lalu dan telah mendapat perhatian kerajaan.

"Ada satu projek pemuliharaan Sungai Merchang termasuk mendalamkan muara kini sedang berjalan dan sepatutnya siap pada Disember tahun lalu.

"Namun, projek itu belum siap mengikut jadual kerana pelbagai faktor dan kami yang hanya bergantung rezeki dengan menangkap ikan di laut sangat berharap ia dapat disiapkan segera," katanya ketika ditemui *Utusan Ma-*

laya di sini, semalam.

Lebih menyedihkan nelayan terlibat tidak dapat turun ke laut sejak tengkujuh melanda Pantai Timur pada November tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, terdapat sebahagian nelayan memperjudi nasib turun ke laut dengan menunggu air pasang penuh namun berdepan kesukaran kerana terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama sebelum boleh masuk atau keluar dari muara.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ali Abu Bakar, 53, pula berkata, muara tersebut bukan sahaja digunakan oleh nelayan di Kampung Merchang, sebaliknya menjadi tumpuan nelayan dari kampung sekitar termasuk Tok Fakir dan Gong Balai.

"Ramai nelayan yang mengalami kerosakan bot kerana tersangkut di beting pasir ketika cuba masuk ke muara dan ini menambahkan lagi kerugian mereka," ujarnya.



NELAYAN terpaksa menolak bot mereka yang tersangkut di beting pasir akibat muara cetek Sungai Merchang, Marang, Terengganu. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI